



How to cite this article:

Hassan, M.H., Zamri, M. & Fadilah, A. (2023). Cabaran Semasa Usahawan Dalam Permohonan Persijilan Halal Malaysia Di Negeri Perlis. *International Journal of Islamic Business*, 8(2), 58 - 70. <https://doi.org/10.32890/ijib2023.8.2.5>

CABARAN SEMASA USAHAWAN DALAM PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA DI NEGERI PERLIS

Muhammad Haziq Hassan^a, Mundzir Zamri^b, Arif Fadilah^c

^aJabatan Halal & Hospitaliti, Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Univesiti Islam Perlis (KUIPs)

^bJabatan Pentadbiran Muamalat, Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

^cJabatan Kewangan Islam, Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Corresponding Author: mrhaziqhassan@kuips.edu.my

Received: 1 December 2023 Revised: 6 December 2023 Accepted: 31 December 2023 Published: 31 December 2023

ABSTRAK

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa. Oleh itu, pelbagai penetapan piawaian, prosedur dan inisiatif telah diperkenalkan bagi membantu pihak industri mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk merungkai permasalahan yang dihadapi oleh para usahawan di negeri Perlis dalam permohonan pensijilan halal Malaysia. Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kaedah analisa kandungan melalui data hasil dapatan temubual bersama pegawai di Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, JAIPs sebagai badan berautoriti utama dalam pengurusan halal negeri Perlis. Kajian ini menyimpulkan bahawa pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh pihak berautoriti untuk menjaga kredibiliti pensijilan halal Malaysia tetapi, usaha pengawalan perlu dilaksanakan diperingkat dalaman syarikat pemegang pensijilan halal Malaysia. Justeru itu, segala isu cabaran yang diketengahkan dalam kajian ini dapat memberi panduan kepada para usahawan untuk menghadapi cabaran semasa memohon dan memelihara pensijilan halal Malaysia.

Kata Kunci: Usahawan, Pensijilan Halal Malaysia, Pengurusan Halal Industri

THE CURRENT CHALLENGE IN APPLYING FOR MALAYSIAN HALAL CERTIFICATION IN THE STATE OF PERLIS

ABSTRACT

Malaysia's government wants to establish itself as an international halal hub. As a result, a number of initiatives, policies, and standards have been established to help industries adhere to thorough halal regulations. The purpose of this research is to examine the obstacles that entrepreneurs in the state of Perlis face when applying for Malaysian halal certification. The study employs a content analysis method to collect data from interviews with officials from the Research and Halal Hub Division, Perlis Islamic Religious Affairs Department (JAIPs), the main authority in managing halal affairs in Perlis. According to the study, various initiatives have been taken by authorities to protect the credibility of Malaysian halal certification. Internal control efforts, however, must be implemented within Malaysian halal-certified companies. Therefore, the difficulties highlighted in this study can assist entrepreneurs in overcoming obstacles when applying for and maintaining Malaysian halal certification.

Keywords: *Entrepreneur, Malaysia Halal Certification, Industry Halal Management*

PENGENALAN

Menggunakan produk yang halal terutamanya produk makanan merupakan suatu kewajipan bagi umat Islam walau di mana sahaja kita berada. Berdasarkan apa yang digariskan oleh agama Islam, ia merupakan tanggungjawab bagi setiap muslim untuk mengikut setiap prinsip dan nilai seperti yang diperuntukkan oleh Al-Quran dan Al-Hadis sebagai suatu amalan cara hidup yang terbaik yang perlu diamalkan. Makanan merupakan keperluan yang penting dalam kehidupan. Setiap orang memerlukan makanan yang cukup bagi memperoleh tenaga untuk melaksanakan aktiviti seharian. Sebagai seorang muslim makan yang dipilih bukan sahaja berkhasiat tetapi perlu memastikan makan tersebut halal. Ini bertepatan dengan ayat-ayat al-quran yang menjelaskan tentang pentingnya pengambilan makanan halal. Antaranya firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat), sedang dia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah amat Pengampun lagi amat Mengasihani

(Surah Al-Baqarah, 2: 173).

Pemakanan halal juga ditekankan dalam hadis Nabi SAW. Antaranya ialah:

Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya yang halal itu nyata (terang) dan yang haram itu pun nyata (terang dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Maka barangsiapa memelihara (dirinya dari) segala yang kesamaran, sesungguhnya dia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barangsiapa jatuh ke

dalam perkara kesamaran jatuhlah dia ke dalam yang haram seperti seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternaknya) makan di dalamnya. Ketahuilah! bahawa bagi tiap-tiap raja ada kawasan larangan. Ketahuilah! larangan Allah ialah segala yang haramnya. Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati.

(Riwayat Muslim, No. Hadis; 4178, Jilid 5, Halaman 50).

Pensijilan halal Malaysia adalah penting dalam industri makanan kerana pensijilan halal adalah satu tanda bahawa makanan yang berada dipasaran adalah halal dan dibenarkan. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa. Justeru piawaian halal, prosedur dan insentif telah diperkenalkan bagi membantu pihak industri mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh. Dalam hubungan ini pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Domestik, 2020 (MPPHM Domestik) yang merangkumi permohonan pensijilan, pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan halal. Walau bagaimanapun, pemilikan sijil halal dalam kalangan usahawan terutama di negeri Perlis pada tahap yang membimbangkan. Berdasarkan data yang diperolehi daripada pegawai di Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, JAIPs hanya sekitar 30 usahawan yang aktif dan memiliki sijil halal pada tahun 2021. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk merungkai permasalahan yang dihadapi oleh para usahawan di negeri Perlis dalam permohonan Pensijilan Halal Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Menurut (Norhidayah & Saadan, 2018) Malaysia merupakan negara yang mempunyai kelebihan untuk bersaing dalam pasaran halal pada peringkat domestik dan global kerana kelebihan dari segi permintaan, sokongan kerajaan dan kos terhadap logo serta sijil halal yang rendah. Malaysia juga mempunyai kelebihan dari sudut prosedur pensijilan halal dan standard halal yang dibangunkan kerana melakukan prosedur pemeriksaan dan penilaian yang ketat oleh JAKIM. Standard Halal Malaysia telah mendapat kepercayaan daripada *Organization of Islamic Cooperation (OIC)* dalam menerajui piawaian halal antara negara-negara Islam yang diiktiraf dunia. Malaysia turut mendahului daripada negara-negara lain dalam membangunkan manual prosedur dan beberapa piawaian halal bagi membantu pihak industri mematuhi garis panduan halal secara menyeluruh.

Mengkaji tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan industri dalam konsep *halalan-toyyiban* dan kerangka *Maqasid Al-Shariah*. Pembangunan industri halal dan pengekonomian adalah jelas bertujuan memelihara dan memakmurkan kehidupan masyarakat (Hashim et al., 2023). Pelaksanaan pengurusan keselamatan pula, khususnya dalam konteks industri halal adalah suatu tuntutan yang terdapat di dalam konsep *halalan-toyyiban* dan kerangka *Maqasid Al-Shariah*. (Shaary & Harun, 2020) menjelaskan konsep pemakanan halal dan haram menurut ajaran Islam dan Kristian. Ia bertujuan untuk memahami persamaan dan perbezaan amalan dari sudut pemakanan setiap agama. Ia juga bertujuan mengkaji sejauhmana pemahaman pelajar Muslim dan Kristian mengenai garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama tersebut. Ia juga bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pemilihan makanan halal oleh pelajar muslim dan Kristian.

Noraizan & Syuhaida (2019) mengkaji sejauh mana program-program pendidikan kesedaran halal disebar luas oleh agensi-agensi terlibat terhadap murid-murid di sekolah. Selain itu kajian ini juga meninjau sejauh mana pendidikan konsep dan kesedaran halal ini dilaksanakan di sekolah melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Noraizan & Syuhaida Idha (2019) mendapati bahawa jantina dan program pengajian bukan faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam pembelian produk makanan halal. Namun norma merangkumi latar belakang keluarga dan persepsi mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembuatan keputusan berkaitan pemilihan dan seterusnya pembelian produk berstatus halal. Kajian ini penting bagi mengenal pasti kaedah

serta strategi terbaik kepada pihak berkaitan pensijilan halal bagi merangka usaha yang mampu mempertingkatkan kesedaran, keyakinan dan perkongsian ilmu tentang konsep halal kepada masyarakat Islam di seluruh Malaysia.

Gunardi & Hashim (2019) mengenalpasti perkhidmatan yang disediakan oleh *Halal Industry Development Corporation (HDC)*. Selain itu juga, menjelaskan model pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan pihak HDC yang diperlukan industri halal dalam menjaga kedudukan produk halal dijamin halal. Hasil kajian mendapati bahawa HDC mempunyai perkhidmatan bimbingan, pengajaran dan pembelajaran halal yang berasaskan konsep ujrah yang selari mengikut prinsip *syariah*. Hazban & Nasohah (2023) membuat sorotan dan penelitian terhadap dua isu utama iaitu isu halal dari sudut konsep serta penguatkuasaannya di Malaysia dan juga isu pengguna dari sudut konsep serta pandangan dan penerimaan mereka terhadap logo halal. Md Nawati et al. (2021) mengkaji kedudukan standard piawaian halal Malaysia daripada sudut perundangan. Tambahan itu, kajian turut meneroka kelebihan dan kekurangan standard halal yang dilaksanakan di Malaysia. Hasil daripada analisa yang dijalankan, kajian ini menunjukkan bahawa perundangan halal di Malaysia sudah termaktub seawal tahun 70-an, namun begitu didapati penyusunan perundangan kurang sistematik kerana tercatat dalam seksyen perundangan yang berbeza iaitu Akta Makanan 1983, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Perlindungan Pengguna.

Shamshuritati & Sofi (2018) mengkaji gelagat kepatuhan halal dengan menggunakan faktor-faktor yang terdapat dalam teori kepatuhan gelagat. Hasil kajian telah mengesahkan kesedaran dan kawalan gelagat ditanggap terhadap gelagat kepatuhan halal. Walaubagaimanapun dapatan kajian tidak menyokong bahawa peranan sikap dan norma subjektif adalah mempengaruhi niat gelagat. Hazban & Nasohah (2023) mendapati antara permasalahan yang timbul berkaitan pengurusan halal ialah kurangnya penguatkuasaan daripada JAKIM, kurang kerjasama daripada agensi-agensi jawatankuasa pensijilan halal Malaysia lain, kurangnya kolaborasi daripada pihak berkuasa dalam pensijilan halal dan urusan pengeluaran sijil dan logo halal yang lambat.

Kajian Fikri et al. (2021) kesedaran pengusaha perlu diperhebatkan agar pensijilan halal menjadi satu keperluan kepada usahawan yang baharu memulakan perniagaan melibatkan halal sama ada produk ataupun perkhidmatan. Jumlah permohonan pensijilan halal sepatutnya seimbang ataupun lebih berbanding dengan bilangan premis yang ada di dalam negeri Perlis. Penggunaan sistem untuk pensijilan perlulah lebih bersifat mesra pengguna dan ditawarkan dengan opsi sama ada di atas talian ataupun secara manual. Menurut Basarudin et al. (2019) menyarankan bahawa para usahawan termasuk usahawan kecil juga perlu mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap produk makanan halal. Pensijilan halal adalah sebahagian daripada prasyarat bagi membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bumiputera dalam mengembangkan perniagaan mereka diperingkatkan tempatan mahupun antarabangsa. Status halal bagi sesuatu produk adalah sebahagian pra-syarat untuk mencapai kejayaan kepada pengeluar makanan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Secara umum, kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur. Walaupun begitu, segala persoalan yang diajukan kepada responden hanya berdasarkan tema yang telah dipersetujui bersama diperingkat awal. Selain itu, persoalan berkaitan isu berbangkit apabila dianggap perlu, penyelidik akan menanyakan secara serta merta kepada responden.

Untuk mencapai objektif kajian ini, penyelidik terlebih dahulu merujuk kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri bagi mengakses data-data usahawan yang memegang pensijilan halal di Perlis. Walaubagaimanapun, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis mengarahkan perbincangan terus bersama Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs.

Seterusnya, penyelidik secara terus merujuk Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs. Penyelidik menjalankan temu bual bersama dua orang pegawai di bahagian tersebut. Pegawai terlibat

adalah Pegawai Hal Ehwal Agama Islam dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam. Pemilihan kedua-dua pegawai ini adalah signifikan terhadap kajian ini. Hal ini kerana, kedua-dua pegawai ini merupakan pegawai utama yang terlibat secara langsung dalam pensijilan halal di negeri Perlis.

Hasil dapatan maklumat yang diperolehi daripada proses temu bual bersama kedua pegawai ini melalui proses analisa kandungan serta semua input yang diperolehi disusun mengikut tema yang bersesuaian dalam kajian ini.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Sektor perusahaan di negeri Perlis banyak tertumpu kepada PKS. Anggaran pungutan jualan tahunan bagi kategori PKS ini adalah dalam lingkungan RM300,000 hingga RM500,000 setahun (MPPHM Domestik,2020). Kebiasanya perusahaan-perusahaan ini akan memohon tajaan atau geran daripada pihak kerajaan bagi memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi perusahaan mereka. Sebagai contoh, usahawan menerima geran sebanyak RM20,000.00 daripada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi tujuan menaik taraf perusahaan mereka dengan kaedah melengkapkan perusahaan dengan pensijilan tersebut (*Coaching & Mentoring* – Majlis Amanah Rakyat, n.d.).

Terdapat juga dalam kalangan para usahawan PKS ini membuat permohonan SPHM secara inisiatif sendiri. Hal ini disebabkan oleh tahap kesedaran para usahawan yang tinggi terhadap kepentingan memperoleh SPHM dan diterjemahkan melalui penghasilan produk makanan atau minuman secara halal dan berkualiti. Untuk tujuan itu, para usahawan akan berhubung dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs), Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal untuk melakukan prosedur permohonan SPHM tersebut. Menurut Pegawai Hal Ehwal Islam JAIPs, permohonan SPHM yang diterima oleh JAIPs sepanjang 10 tahun mulai tahun 2011 hingga 2020, rekod data umum pemegang SPHM di negeri Perlis adalah sebanyak 130 buah syarikat. Daripada jumlah tersebut, hanya 30 buah syarikat yang masih mengemaskini dan mengekalkan status pemegang SPHM di negeri Perlis. Berdasarkan kepada pola catatan tersebut, temu bual kajian ini memperoleh beberapa dapatan kajian berhubung permasalahan usahawan dalam memperoleh SPHM di negeri Perlis.

Pra-Pensijilan SPHM - Persediaan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Usahawan yang pertama kali memohon SPHM biasanya akan mengalami kekangan serta cabaran ketika melalui proses permohonan SPHM. Sumber rujukan yang terbaik untuk mendapatkan maklumat terperinci berhubung prosedur dan panduan pensijilan ini adalah daripada pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs melalui perundingan bersama pegawai mereka. Menurut JAIPs, proses permohonan SPHM sesebuah syarikat bukan hanya tertakluk kepada perkara yang melibatkan kaedah pembuatan produk semata-mata, malah ianya meliputi pelbagai aspek lain seperti sistem dokumentasi, kawalan kebersihan, kawalan makhluk perosak, formulasi, operasi dan lain-lain lagi. Pada realitinya, kebanyakan usahawan dikatakan lebih bersifat ‘manja’ dengan proses permohonan SPHM di negeri Perlis. Hal ini disebabkan banyak urusan yang melibatkan dokumentasi perlu disediakan oleh pihak usahawan bagi mendapatkan sesebuah pengiktirafan SPHM. Justeru, apabila usahawan menemui jalan buntu ramai usahawan akan menarik diri daripada meneruskan proses permohonan pensijilan halal tersebut. Ia akan mengakibatkan proses permohonan SPHM mereka tergendala dan seterusnya tidak lagi berhasrat untuk meneruskan proses permohonan sehingga selesai.

Hal demikian berlaku terutamanya dalam perusahaan yang diterajui oleh golongan usahawan yang telah berusia. Antara kekangan utama yang dihadapi oleh mereka ini adalah seperti perkara yang melibatkan aplikasi teknologi. Proses mendapatkan SPHM perlu melalui permohonan secara atas talian iaitu melalui sistem MYeHalal. Selain daripada itu, mereka perlu melengkapkan keperluan dokumentasi sama ada secara atas talian dan juga secara fizikal. Dalam usaha mengatasi masalah ini, pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs turut mengambil inisiatif membantu proses penyediaan dokumentasi usahawan secara sukarela umpama ‘menarik rambut dalam tepung’. Objektif utama yang disasarkan adalah memastikan seramai mungkin usahawan yang berjaya

memperolehi SPHM. Perkara ini penting bagi meningkatkan jaminan kualiti penghasilan makanan dan minuman secara *halalan toyyiban*. Pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs sedaya upaya cuba membantu para usahawan mendapatkan SPHM bagi syarikat mereka sehingga berjaya.

Proses Permohonan SPHM

Menurut piagam pelanggan Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs setiap proses dalam pensijilan halal ada prosedurnya yang tertentu. Sebagai contoh, selepas syarikat menghantar permohonan secara atas talian, dalam tempoh lima (5) hari waktu bekerja, mereka perlu menghantar dokumen sokongan secara fizikal kemudian dokumen tersebut disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Seterusnya, syarikat perlu membuat bayaran fi pensijilan setelah surat fi pembayaran dikeluarkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs. Selepas semua prosedur ini selesai, syarikat perlu menjalani proses audit di lapangan oleh pegawai Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs yang bertauliah. Kelulusan sesuatu permohonan SPHM ini bukan suatu perkara yang mudah bagi pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs untuk diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki. Syarikat yang memohon perlu mengikut semua keperluan yang ditetapkan.

Terdapat juga sesetengah kes yang memaksa pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs kerap kali turun ke lapangan bagi meneliti dan menyemak proses audit yang diperlukan bagi sesebuah syarikat. Kekerapan turun ke lapangan untuk urusan audit ini adalah penting bagi memastikan setiap pemohon SPHM benar-benar layak memperoleh pengesahan terbabit. Ini merupakan inisiatif pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs terhadap penerimaan mana-mana permohonan SPHM di samping komitmen yang diberikan sendiri oleh usahawan dalam usaha meningkatkan mutu kualiti halal bagi produk yang ingin dipasarkan. Namun begitu, pihak JAIPs tidak berupaya memaksa atau mewajibkan permohonan SPHM kepada usahawan atau syarikat jika mereka enggan mengemukakan permohonan. Hal demikian disebabkan permohonan SPHM tidak wajib menurut undang-undang bahkan ia adalah pilihan bagi usahawan atau syarikat sebagai tambah nilai bagi kualiti halal produk yang ingin dipasarkan.

Sebelum permohonan SPHM dikeluarkan kepada pemohon, ia perlu melalui beberapa peringkat pengesahan terlebih dahulu. Selepas proses audit di lapangan selesai dan mendapat maklumbalas penambahbaikan daripada pihak syarikat, permohonan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil di bawah Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs. Peringkat ini bagi mempersiapkan permohonan tersebut dibawa ke peringkat seterusnya iaitu Mesyuarat Panel Jawatankuasa Pengesahan Halal Negeri Perlis. Jawatankuasa Pengesahan Halal ini merupakan sebuah jawatankuasa yang berperaku dan memberikan pengesahan halal kepada setiap permohonan SPHM di negeri Perlis. Komposisi jawatankuasa tersebut melibatkan pelbagai agensi antaranya Jabatan Mufti, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Pegawai Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain. Penyertaan pelbagai cabang jabatan ini adalah kerana setiap jabatan dapat menilai setiap permohonan SPHM melalui sudut pandang kepakaran jabatan masing-masing. Oleh yang demikian, semua permohonan yang mendapat pengesahan SPHM telah melalui tapisan dan penilaian yang sangat teliti.

Sementara itu, kekerapan Mesyuarat Panel Jawatankuasa Halal yang dilakukan di negeri Perlis bilangannya sekurang-kurangnya antara 3-5 kali setahun bergantung kepada jumlah permohonan SPHM. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Kecil di bawah Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal bersidang dengan kekerapan antara sebulan hingga dua bulan sekali. Justeru, terdapat usahawan yang melihat prosedur ini agak merumitkan lalu memilih untuk mendapatkan perkhidmatan perundingan daripada syarikat perunding luar yang menjalankan aktiviti pensijilan halal. Dalam hal ini, sebenarnya pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs tiada masalah sekiranya usahawan mendapatkan perkhidmatan perundingan pensijilan halal daripada pihak ketiga. Namun Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs mengingatkan bahawa, usahawan perlu berhati-hati ketika hendak melantik mana-mana syarikat yang mewakili permohonan mereka. Pastikan syarikat perundingan tersebut sebahagian daripada rakan strategik perunding yang diiktiraf oleh pihak JAKIM yang telah diberi kelayakan melalui kursus-kursus khas yang telah dijalankan.

Menurut pegawai Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs, terdapat kes di mana usahawan melantik syarikat perunding luar bagi membantu proses mendapatkan SPHM bagi syarikat mereka. Setelah bayaran perundingan dibuat, permohonan dikemukakan kepada pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs. Namun begitu, apabila ia dibawa kepada perbincangan panel pengesahan halal, permohonan tersebut ditolak atas faktor-faktor tertentu. Hal ini mengakibatkan usahawan mengalami kerugian. Kebiasaannya, kos yang dikenakan oleh syarikat perundingan untuk mendapatkan perkhidmatan perundingan pensijilan halal ini mencecah nilai antara RM 7,000 hingga RM 8,000 ataupun lebih. Selain itu, terdapat juga prosedur-prosedur yang tidak dapat dipatuhi sepenuhnya oleh usahawan. Contohnya, syarikat terlepas tempoh waktu prosedur yang ditetapkan oleh JAKIM dan JAIPs. Sekiranya JAIPs mengikut pendekatan sebenar, permohonan SPHM mereka layak untuk ditolak kerana telah tamat tempoh prosedur. Walaupun begitu, pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs masih memberi pertimbangan dan budi bicara sewajarnya bagi membantu usahawan melakukan proses memperolehi SPHM hingga berjaya.

Pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs mengambil maklum akan kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh para usahawan dalam mendepani proses mendapatkan SPHM terutamanya dari aspek dokumentasi, teknologi, modal dan sebagainya. Oleh yang demikian, Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs sering mengambil pendekatan memberi peluang dan budi bicara kepada para usahawan dalam mematuhi garis panduan dan polisi SPHM yang telah ditetapkan, selagi mana ia tidak bertentangan dengan prinsip dan hukum Syarak.

Dokumentasi

Fasa pengumpulan dokumentasi ini merupakan fasa yang kritikal dan mencabar kepada usahawan semasa melakukan persiapan permohonan SPHM. Kebiasaannya ia melibatkan pengusaha memproses produk makanan seperti produk berasaskan roti dan pasteri yang terdiri daripada bahan mentah dan ramuan yang diimport daripada luar negara seperti produk tenusu, bijirin, coklat dan sebagainya. Tambahan pula, keadaan lebih rumitkan apabila usahawan sukar mendapatkan kerjasama daripada pihak pembekal bahan mentah dan ramuan dalam memperolehi dokumen sokongan yang diperlukan. Setiap bahan mentah tersebut perlu dikepilkan sekali dengan dokumen sokongan yang membuktikan bahan mentah tersebut halal serta selamat untuk dimakan atau diminum oleh orang Islam. Antara dokumen sokongan yang boleh dikepilkan bersama penggunaan bahan mentah tersebut adalah seperti sijil pengesahan halal daripada dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM, *Certificate of Analysis (CoA)*, laporan makmal, laporan spesifikasi produk dan lain-lain lagi.

Dalam proses permohonan SPHM, setiap item bahan mentah yang digunakan dalam proses penghasilan produk perlu disokong dengan pensijilan halal ataupun dokumen-dokumen sokongan yang lain. Sebagai contoh bagi pengusaha pembuatan produk kek, setiap bahan mentah, seperti tepung, garam dan gula yang digunakan untuk menghasilkan kek tersebut perlu disokong bersama dokumen tertentu bagi memastikan kandungan bahan mentah tersebut tidak meragukan. Sekiranya salah satu daripada bahan mentah tersebut tidak mempunyai pensijilan halal permohonan SPHM tersebut adalah tidak dibenarkan terutama bagi bahan mentah yang kritikal dan yang telah diproses. Bahan mentah kritikal merupakan bahan mentah yang perlu kepada perhatian yang lebih oleh pihak pengusaha, hal ini kerana bahan mentah ini berpotensi datang daripada sumber haiwan seperti *L-cysteine*, *gelatin*, *renet*, plasma darah, *transglutaminase*, alkohol dan makanan ubahsuaian genetik diperkenalkan dalam produk makanan atau minuman yang timbul daripada kemajuan teknologi sains makanan. Kesannya banyak kes umat Islam menghadapi kesulitan untuk memastikan produk mana yang dibenarkan atau tidak di bawah undang-undang Islam (Ishak et al., 2018).

Cabaran Pekerja

Pekerja merupakan elemen yang penting bagi sesebuah perusahaan. Pihak majikan perlu memelihara kebajikan dan menyediakan pelbagai kemudahan kepada pekerja selaras dengan portfolio yang telah diberikan kepada pekerja tersebut. Hal ini penting kerana para pekerja merupakan golongan barisan hadapan yang memacu kecemerlangan syarikat. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan bahawa akan berlaku pengkhianatan dalam kalangan pekerja terhadap tanggungjawab yang diberikan namun hal ini dapat diatasi melalui pengurusan yang cekap daripada syarikat. Pengkhianatan berlaku

disebabkan oleh rasa tidak puas hati pekerja kepada pihak majikan yang mampu menjejaskan reputasi syarikat.

Berdasarkan MPPHM Domestik, 2020 yang dikeluarkan oleh JAKIM mencadangkan lima keperluan yang perlu dipatuhi oleh majikan yang berkaitan dengan pekerja. Antara keperluannya adalah pertama, jumlah pekerja Muslim hendaklah mencukupi mengikut keperluan kategori permohonan. Kedua, tahap kebersihan diri pekerja sentiasa berada pada tahap yang baik, pakaian pekerja hendaklah bersih, sopan dan bersesuaian, barangan peribadi, makanan dan minuman pekerja hendaklah tidak dibawa masuk ke kawasan pemprosesan. Ketiga, kelengkapan perlindungan peribadi yang bersesuaian dengan kehendak pekerjaan seperti penutup kepala, sarung tangan, pelindung muka, kaca mata keselamatan dan lain-lain hendaklah dibekalkan kepada setiap pekerja. Keempat, pekerja hendaklah tidak melakukan apa-apa perbuatan, kelakuan dan tindakan yang boleh menyebabkan pencemaran terhadap bahan dan produk seperti merokok atau meludah. Kelima, pelantikan dan pengambilan pekerja hendaklah mematuhi keperluan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa, dan hendaklah mengamalkan kod etika pekerja dan Amalan Pengilangan yang Baik (APB) seperti mana yang ditetapkan di bawah peraturan pihak berkuasa yang berkaitan.

Selain daripada itu, jawatan eksekutif halal dan penyelia halal merupakan keperluan yang perlu dipenuhi oleh syarikat bagi melayakkan mereka mendapatkan SPHM. Tujuan jawatan ini diwujudkan adalah untuk memastikan segala urusan yang berkaitan dengan halal berjaya diuruskan dengan sebaik-baiknya. Hal ini menyebabkan, sesetengah syarikat bukan bumiputera berhadapan dengan masalah dalam memenuhi keperluan tersebut kerana menghadapi kesukaran untuk mendapatkan individu Muslim bagi memenuhi jawatan tersebut. Walaubagaimanapun, mereka perlu memenuhi keperluan tersebut mengikut kategori premis yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, berdasarkan *Malaysian Halal Management System Manual (MHMS) 2020* bagi Perusahaan Besar dan Sederhana, mereka memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) orang pekerja Muslim warganegara Malaysia yang berjawatan tetap. Manakala bagi PKS masing-masingnya memerlukan sekurang-kurangnya seorang (1) pekerja Muslim warganegara Malaysia yang berjawatan tetap dan semua pelantikan tersebut hendaklah dilantik dan bertugas di kawasan pemprosesan sepanjang tempoh operasi atau syif.

Penyelidik melihat perkara ini merupakan suatu kelebihan kepada masyarakat Muslim itu sendiri. Hal ini kerana pelantikan individu Muslim dalam syarikat memohon SPHM secara tidak langsung menjadikan individu tersebut umpama mata dan telinga kepada masyarakat Muslim demi menjaga kemaslahatan bersama. Walaupun, dengan berbekalkan sedikit ilmu agama dalam diri individu Muslim tersebut menjadikan mereka peka dan amanah terhadap sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh pihak pengurusan bukan Muslim melibatkan hukum *Syarak* semasa pemprosesan produk dilakukan.

Selain daripada itu, keperluan ini secara tidak langsung telah membuka satu peluang pekerjaan kepada masyarakat Muslim, kerana jawatan tersebut hanya boleh dipenuhi oleh individu Muslim sahaja. Kebiasaannya agak sukar bagi individu muslim untuk mendapatkan pekerjaan dalam syarikat yang dimonopoli oleh golongan bukan bumiputra terutamanya dalam bidang pembuatan produk. Oleh yang demikian, inisiatif JAKIM ini secara tidak langsung memberi peluang kepada masyarakat Muslim untuk kekal relevan dalam industri pembuatan produk.

Kos Operasi

Peningkatan dalam kos operasi merupakan halangan yang terbesar bagi sesebuah syarikat untuk memohon SPHM. Hal ini kerana, terdapat pelbagai keperluan yang perlu dipenuhi oleh syarikat bagi melayakkan mereka mendapatkan SPHM. Antara keperluannya adalah syarikat perlu melantik pekerja yang kompeten, membangunkan struktur bangunan khas, menggunakan alatan yang sesuai dan mendapatkan bahan ramuan yang berkualiti. Perkara tersebut memerlukan penambahan kos yang banyak dan menjadi beban bagi PKS. Oleh sebab itu, kebanyakan daripada usahawan kecil hanya melakukan perusahaannya di kediaman dan menggunakan fasiliti yang sedia ada bagi menjimatkan kos operasi. Sehubungan itu, kaedah pemprosesan seperti ini sama sekali tidak memenuhi syarat untuk memohon SPHM.

Bagi menyelesaikan permasalahan premis, terdapat solusi yang telah dicadangkan oleh pihak berkuasa. Antaranya, pengusaha-pengusaha kecil boleh menjalankan operasi di kediaman mereka tetapi struktur premis mestilah dipisahkan dari kediaman. Pengusaha-pengusaha kecil perlulah mewujudkan ruang yang terasing dari kediaman mereka dan mengasingkan peralatan yang digunakan. Dengan cadangan ini pengusaha-pengusaha kecil layak untuk memohon SPHM. Walaubagaimanapun, cadangan tersebut bukan suatu penyelesaian yang sempurna. Hal ini kerana lesen PBT merupakan salah satu dokumen utama yang perlu dilampirkan semasa permohonan dilakukan. Bagi mendapatkan lesen tersebut para usahawan perlu memohon dari pihak berkuasa tempatan. Hal ini merumitkan lagi keadaan kerana bagi mendapatkan lesen tersebut usahawan perlu memenuhi syarat yang ditentukan oleh pihak PBT terutamanya syarat berkaitan dengan premis.

Di samping itu, isu kebersihan dan keselamatan turut menjadi kriteria utama bagi melengkapkan permohonan tersebut. Hal ini turut meningkatkan kos penambahbaikan premis seterusnya memberi kesan kepada keuntungan syarikat. Antara perkara yang dibangkitkan oleh pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs adalah seperti lantai yang pecah, syiling terbuka. Dalam pada itu, pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs memahami perkara tersebut adalah melibatkan kos yang besar bagi proses penyelenggaraan dan penambahbaikan. Walaupun begitu, tindakan tersebut perlu diambil dengan kadar yang segera bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku terutamanya melibatkan isu-isu keselamatan makanan yang boleh memberikan impak negatif kepada pelanggan seperti keracunan makanan dan sebagainya.

Selain itu, Antara perkara lain yang melibatkan penambahan kos pengurusan adalah berkenaan isu pelantikan jawatan eksekutif halal berkelulusan minimum diploma pengurusan halal atau mana-mana kelulusan yang setaraf dengannya atau berpengalaman dalam pengurusan halal sekurang-kurangnya lima (5) tahun. Hal ini agak mustahil bagi PKS untuk mematuhi syarat tersebut. Walaubagaimanapun, perkara ini merupakan tanggungjawab utama pihak syarikat terutamanya syarikat multinasional dalam melantik seorang pegawai eksekutif halal berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan pihak JAKIM. Dengan pelantikan tersebut eksekutif halal dapat menjadi jambatan penghubung di antara syarikat dan pihak berkuasa.

Secara realitinya perkara tersebut tidak berlaku seperti mana yang dicadangkan oleh pihak berkuasa. Bagi mengurangkan kos perbelanjaan operasi pihak syarikat hanya melantik pegawai halal daripada dalam kalangan kakitangan yang sedia ada. Hal ini akan menimbulkan persoalan berkaitan kelayakan individu tersebut dalam memastikan standard halal dipatuhi. Ada yang lebih teruk lagi, apabila pihak syarikat cuba untuk memanipulasi pekerja mereka dengan memberikan penambahan portfolio yang berkaitan dengan pengurusan halal. Dengan penambahan portfolio itu pekerja tersebut perlu menjalankan kerja yang sedia ada dan mengurus hal ehwal berkaitan pengurusan halal. Hal ini menunjukkan, pihak syarikat betul-betul meminimumkan kos operasi bagi meningkatkan keuntungan syarikat.

Tambahan itu, perkara seperti ini sering berlaku di PKS disebabkan oleh kekangan dari segi kewangan. Hal ini menyebabkan syarikat tersebut sukar mendapatkan seorang eksekutif halal yang kompeten dalam memastikan piawaian halal dipatuhi oleh syarikat tersebut. Walaubagaimanapun perkara ini tidak berlaku dalam kalangan syarikat multinasional, kerana keupayaan kewangan syarikat memungkinkan mereka untuk melantik seorang eksekutif halal yang kompeten bagi mengalas tanggungjawab tersebut. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs, ia menyatakan bahawa syarat persijilan halal tidaklah sukar seperti yang dikhabarkan oleh sesetengah pihak. Seorang individu itu hanya perlu memiliki sekurang-kurangnya sijil diploma dalam apa sahaja bidang bagi melayakkan dia memegang jawatan eksekutif halal. Hal ini menunjukkan keringanan yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM bagi memastikan standard halal dipatuhi oleh syarikat yang memohon persijilan halal.

Dalam pada itu, melihat kekangan yang berlaku dalam industri. Pihak JAKIM telah menyediakan inisiatif dengan melaksanakan latihan komprehensif berkenaan pengurusan halal. JAKIM melancarkan kursus yang dijalankan oleh Penyedia Latihan Halal (PLH) melalui pengiktirafan Majlis Halal Malaysia yang dipanggil sebagai kursus *Halal Profesional Board (HPB)*. Terdapat dua tunjang utama dalam pembikinan latihan ini. Pertama adalah berkenaan dengan Kursus Eksekutif Halal dan yang kedua adalah berkenaan Kursus Audit Halal dalaman. Oleh yang demikian, dengan

adanya inisiatif seperti ini ia mampu menjimatkan kos operasi syarikat bagi melantik eksekutif halal daripada luar.

Kesimpulannya, berdasarkan pemerhatian Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs di negeri Perlis, kebanyakan daripada syarikat mengguna pakai pekerja yang sedia ada bagi menguruskan SPHM. Kebanyakan dari mereka tidak mempunyai pendidikan yang formal dalam bidang pengurusan halal dan hanya mempunyai sijil pengurusan halal yang disediakan oleh JAKIM. walaupun begitu, gerak kerja yang dijalankan setanding dengan eksekutif halal yang telah mengikuti sistem pembelajaran secara formal di Institut pengajian tinggi.

Pasca Pensijilan SPHM

Berdasarkan perbincangan bersama pihak pegawai Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs, mendapati bahawa proses permohonan SPHM boleh dikategori aturannya bersifat 'mudah'. Hal ini kerana, untuk mendapatkan satu-satu SPHM syarikat hanya perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh MPPHM Domestik dan MHMS 2020, kepada semua para pemohon. Sekiranya pengusaha akur dan komited dengan segala keperluan tersebut, nescaya pengusaha akan diberi pengiktirafan SPHM terhadap kawasan pemprosesan mereka mengikut kategori skim permohonan yang dipilih. Namun ada perkara lebih sukar, dan kritikal yang perlu diberi perhatian oleh pengusaha iaitu berkenaan proses pasca pensijilan SPHM. SPHM akan bersama dengan pihak syarikat tersebut selama dua (2) tahun tempoh pensijilan. Dalam tempoh tersebut pelbagai cabaran, kekangan dan perubahan bahan mentah dan ramuan dihadapi oleh pemegang SPHM ini. Oleh yang demikian, pasca pensijilan SPHM ini merupakan fasa yang lebih utama untuk diberi perhatian oleh pemegang SPHM.

Berikut merupakan keperluan-keperluan yang tercatat dalam MPPHM Domestik mengikut kategori syarikat memohon khusus berkenaan kaedah menjamin SPHM sentiasa berada dalam landasan yang betul selaras dengan keperluan JAKIM dan JAIPs sejourus syarikat memasuki fasa pasca pensijilan. Bagi syarikat bertaraf multinasional, syarikat dikehendaki mewujudkan jawatankuasa halal dalaman, eksekutif halal dan sekurangnya dua (2) orang pekerja Muslim berwarganegara dan jawatan tetap. Bagi industri sederhana, syarikat diwajibkan mewujudkan jawatankuasa halal dalaman sekurangnya empat (4) orang, melantik satu (1) orang eksekutif halal dan sekurangnya dua (2) orang pekerja muslim berwarganegara dan jawatan tetap. Bagi industri kecil pula syarikat diwajibkan mempunyai satu (1) orang penyelia dan pekerja muslim warganegara dan berjawatan tetap. Manakala, bagi industri mikro, memadai mempunyai satu (1) orang pekerja muslim. Bagi kategori premis makanan pula, terdapat keperluan dalam pematuhan halal iaitu melalui mewujudkan jawatankuasa halal dalaman, eksekutif halal, penyelia muslim ataupun pekerja muslim. Tidak semua bentuk premis makanan dikehendaki memenuhi keperluan yang dinyatakan. Secara umumnya, premis berkenaan dikehendaki mempunyai pekerja muslim yang berwarganegara dan berjawatan tetap. Begitu juga terhadap syarikat yang mengeluarkan barang gunaan, kosmetik dan dandanan diri, farmaseutikal, rumah sembelih dan logistik, masing-masing mempunyai keperluan yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan yang dinyatakan.

Hal di atas dirangka oleh JAKIM, bagi memastikan semua pemegang SPHM sentiasa berada dalam landasan yang betul sepanjang memegang SPHM. Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs menyatakan bahawa penubuhan jawatankuasa halal dalaman di peringkat syarikat inilah yang menentukan kawalan proses pensijilan halal supaya syarikat tidak tersasar daripada keperluan prosedur halal. Jawatankuasa halal dalaman ini merupakan komiti yang dilantik secara rasmi dan bertulis oleh pengurusan tertinggi syarikat yang bertanggungjawab membangun, melaksana, memantau dan mengawal keberkesanan pelaksanaan Sistem Jaminan Halal dalaman (SJHD) serta pematuhan terhadap keperluan pensijilan halal Malaysia (MPPHM, 2020). Biasanya, komposisi lantikan penubuhan jawatankuasa halal dalaman ini melibatkan beberapa penjawatan yang kritikal dalam kawasan pemprosesan. Antaranya adalah melibatkan pengurusan tertinggi, eksekutif halal, bahagian pembelian, bahagian penerimaan bahan mentah, penyelia dan sebagainya. Jawatankuasa ini dikendalikan oleh eksekutif halal dalaman syarikat. Penglibatan komposisi-komposisi ini dilihat perlu adalah kerana bahagian ini merupakan titik kawalan halal yang kritikal dan utama, tambahan lagi, bahagian ini selalunya mengendalikan proses yang melibatkan status hukum *Syarak*. Namun, penubuhan jawatankuasa halal dalaman ini tidak diberi perhatian oleh pihak syarikat dan ada di

antara syarikat tidak langsung menubuhkannya. Hal ini menyebabkan syarikat sukar untuk memastikan segala prosedur dipatuhi dengan sempurna.

Selain daripada itu, kajian ini juga memperoleh dapatan daripada pemerhatian umum pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs hasil daripada lawatan di lapangan pegawai mereka. Pemerhatian umum mereka mendapati bahawa syarikat yang lebih menjaga terhadap SJHD adalah syarikat dalam kalangan bukan Muslim. Antara syarikat yang dinyatakan adalah syarikat Niaga Duta Mas yang menghasilkan perusahaan berasaskan coklat. Ini menunjukkan syarikat tersebut sangat komited dalam memastikan pematuhan standard halal. Menurut Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs, mereka sangat berpuas hati atas komitmen yang diberikan oleh syarikat tersebut sepanjang tempoh pensijilan halal mereka.

KESIMPULAN

Pelaksanaan adaptasi MPPHM Domestik dan MHMS 2020 adalah berbeza mengikut status permohonan. Perbezaan ini melibatkan pemohon di peringkat antarabangsa, tempatan, industri sederhana, industri kecil, industri multinational dan sebagainya. Perbezaan-perbezaan ini pihak JAKIM kawal menggunakan kaedah mewajibkan setiap industri untuk mengadakan jawatankuasa halal dalaman bagi setiap syarikat. Jawatankuasa halal dalaman inilah yang menentukan untuk mengawal proses pensijilan halal supaya syarikat tidak tersasar daripada keperluan prosedur-prosedur halal. Kapasiti usahawan di negeri Perlis tidak sebesar di negeri yang lain. Oleh yang demikian, dari segi pemantauan tidak menjadi masalah kepada Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs untuk laksanakannya. Sekiranya terdapat penyalahgunaan pensijilan halal di negeri Perlis, maka ia agak mudah bagi pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs tangani.

Setiap syarikat yang memegang pensijilan halal perlu sentiasa akur dengan proses pensijilan tersebut dan sekiranya terdapat penyalahgunaan terhadap sijil halal, sijil mereka mungkin akan ditarik balik semula dan seterusnya akan mengakibatkan reputasi syarikat mereka tercalar. JAIPs bersama-sama pelbagai agensi kerajaan dan swasta MARA, FAMA, Dewan Perniagaan Melayu Islam Negeri Perlis dan lain-lain agensi, sering duduk semeja berbincang bersama para usahawan di bawah payung agensi berkenaan untuk melihat hala tuju perkembangan SPHM industri di negeri Perlis. Melihat kepada jaringan kerjasama ini, ia mendapati bahawa rata-rata usahawan di negeri Perlis, sebenarnya maklum dan berminat untuk mendapatkan SPHM. Namun para usahawan ini mempunyai kekangan dan cabaran mereka tersendiri. Para usahawan sedar akan keperluan untuk mendapatkan SPHM demi untuk memajukan penjualan produk mereka di samping mendapat pengiktirafan mengeluarkan produk halal dan berkualiti di pasaran.

Selain daripada itu, Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs sering memberikan ruang dan peluang perbincangan berkenaan SPHM selaras dengan keperluan menyediakan Malaysia menjadi hab halal antarabangsa. Kesedaran halal merupakan aspek terpenting lebih daripada segalanya termasuk aspek pensijilan halal itu sendiri. Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs memastikan bahawa setiap pengiktirafan pensijilan halal yang diberikan kepada sesebuah syarikat perlu diterima dengan penuh tanggungjawab dan pensijilan tersebut perlu betul-betul dijaga dengan rapi dan tidak sesekali disia-siakan. Tidak kira siapa yang mengurus SPHM dalam sesebuah syarikat yang penting adalah kesedaran dan komitmen untuk menjaga pensijilan tersebut supaya terus relevan dengan keperluan SPHM menurut MPPHM Domestik dan MHMS 2020 seperti yang telah digariskan oleh pihak JAKIM dan JAIPs.

Di samping itu, pihak Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs akan sentiasa mengadakan Inisiatif untuk terus memberi Latihan Kesedaran Halal kepada semua syarikat yang memegang SPHM di peringkat Negeri Perlis. Menurut JAIPs, Plan cadangan perancangan Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs 2021 bagi latihan kesedaran halal di peringkat negeri ini kekerapannya adalah sebanyak 2 kali. Namun, cabaran pengurusan di Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs sepanjang ancaman Pandemik Covid 19 sedikit sebanyak mengganggu perancangan tersebut. Walau bagaimanapun, Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, JAIPs tetap menjalankan aktiviti menyebarkan kesedaran pensijilan halal kepada pihak industri di negeri Perlis. Hal ini

dilakukan semasa pegawai mereka melakukan audit serta pemantauan di lapangan. Kesedaran ini amat penting bagi memastikan pihak syarikat sentiasa sedar akan tanggungjawab untuk memastikan keperluan pensijilan halal terpelihara seterusnya dapat menyediakan makanan yang halal dan berkualiti kepada para pelanggan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Penyelidikan dan Hub Halal, Jabatan Agama Islam Perlis, JAIPs dan Kolej Universiti Islam Perlis, KUIPs, kerana bekerjasama menjayakan kajian ini melalui pembiayaan penyelidikan STG-023.

RUJUKAN

- Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran 30 juzu', Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1990.
- Baharudin, O., Sharifudin, M.S., Arsiyah, B. Nurul Hudani, M.N. (2019) Pengaruh Pengurusan Pensijilan Halal, Modal Insan Dan Amalan Piawaian Halal Terhadap Prestasi Organisasi Dalam Industri Makanan Halal di Malaysia, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol.6, No.1, page 103 – 119
- Basarud-din, S. K., Omar, S. N. Z., Mohamad, M., & Zainal, H. (2019). Cabaran Usahawan Asnaf Dalam Pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia. *Challenges of Asnaf Entrepreneurs in Implementation of Malaysian Halal Certificate*. *Ijzip*, 2.
- Coaching & Mentoring – Majlis Amanah Rakyat. (n.d). https://www.mara.gov.my/bm/menu_keusahawanan/pembangunan-usahawan/coaching-mentoring/
- Fikri, A., Mohamad, B., Iman, M., Bin, H., Sultan, P., & Ahmad, H. (2021). Cabaran Pensijilan Halal: Kesiediaan Pengusaha Industri Dan Premis Makanan. *3rd International Halal Management Conference (3rd IHMC 2021)*.
- Gunardi, S., & Hashim, A. F. S. (2019). Pengajaran Dan Pembelajaran Halal Di Halal Industry Development Corporation (HDC). *Journal of Islamic, Social, Economics*
- Hashim, K. E., Tumiran, M. A., & Husna, A. (2023). Maqasid Syariah dalam Industri Halal: Aplikasi Elemen Keselamatan Makanan dalam Kalangan Pengusaha Pembuatan Produk Makanan di Bangi, Selangor. *Journal of Management and Muamalah*, 13(1). <https://doi.org/10.53840/jmm.v13i1.144>
- Hazban, N., & Nasohah, Z. (2023). Penguatkuasaan Undang-undang Status Halal Premis Makanan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2099>
- Ibrahim, A. Q., Zakaria, M. B., Rahman, R. A., & Noh, N. C. (2018). Cabaran pelaksanaan hisbah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(4), 12–19. <http://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/download/32/32>
- Ishak, I., Mutallib, S. A., & Deauraseh, N. (2018). Isu halal dan potensi makanan yang mengandungi sumber haiwan. Seminar Antara Universiti Pengajian Lulusan Ijazah (SAPLI).
- Md Nawi, N. H., Megat Ahmad, P. H., Ibrahim, H., & Othman, B. (2021). Saiz Organisasi Berperanan Sebagai Moderator Antara Amalan Piawaian Halal Dan Prestasi Organisasi (*Size of Organisation as A Moderating Factor in The Practice of Halal Standard and Performances*). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(3). <https://doi.org/10.11113/umran2021.8n3.412>
- Mohamad Hilmi, A. F., Mohd Asri, M. F. A., Mohd Ariffin, Z. A., & Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. (2021). Cabaran Pensijilan Halal: Kesiediaan Pengusaha Industri Dan Premis Makanan. *3rd International Halal Management Conference (3rd IHMC 2021)*.

- Muslim b. al-Hajjaj. Sahih Muslim. Dar Al-Jalil, Bayrut: s.n., 4178-5-50.*
- Noraizan, M., & Syuhaida Idha, A. R. (2019). Pendidikan Kesedaran Halal Melalui Kurikulum Pembelajaran. *Gjat*, November.
- Pauzi, N., & Man, S. (2019). Cabaran dan Elemen Kearifan Tempatan dalam Pensijilan Halal di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 16, 165–190. <https://doi.org/10.22452/fiqh.sp2019no1.7>
- Razaly, M. M. R., & Zakaria, Z. Z. (2018). Pelaksanaan Sistem Pengurusan Jaminan Halal Di Rumah-Rumah Sembelihan Ayam Halal dan Isu-Isu Berkaitan: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 3(1), 105–124. <https://doi.org/10.22452/jslr.vol3no1.5>
- Setiyawan, G., Ahmad Fakhruy, S.H. (2019) Pengajaran Dan Pembelajaran *Halal Di Halal Industry Development Corporation (HDC)*, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 4, No.1 page 63-71
- Shaary, K., & Harun, M. A. W. (2020). Amalan Rukhsah Sembelihan Ahli Kitab Menurut Yusuf al-Qaradawi dalam Kitab al-Halal wa al-Haram fi al-Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(1).
- Shamshuritawati, S., Sofi Ariffin (2018), Kesedaran Muslim Terhadap Pensijilan Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3